

# Sa-orang lagi pelajar MARA masok hospital

Berita Harian, 17 April 1968, Page 10

 Article also available on Microfilm Reel NL5410

Sa-orang  
lagi  
pelajar  
MARA  
masok  
hospital

**KUALA LUMPUR,** Selasa. — Sa-orang lagi pelajar baru Institut Teknologi MARA telah di-hantar ke Hospital Assunta Petaling Jaya dan Timbalan Pengetua maktab, Enche Hijjas Kasturi hari ini berkata ia akan menyiasat perkara itu.

Pelajar tersebut, seorang lelaki, masuk hospital kerana demam dan sakit kepala. Ia adalah antara pelajar2 baru yang menempoh "Minggu Orientasi" oleh pelajar2 tua maktab itu.

Enche Hijjas berkata, ia akan menyiasat apa-kah pelajar itu masuk ke-hospital akibat ragging atau achara2 dalam Minggu Orientasi itu atau sebab2 lain.

Pelajar itu sekarang ditempatkan dalam sa-buah biled tidak jauh dari biled Che Shukra binti Datuk Kampo Radjo yang masuk hospital itu empat hari sa-belum ini.

## *Mulai puleh*

Che Shukra yang pada mula-nya di-beritakan tidak kenal pada ayah-nya sekarang beransor puleh.

Tengahari ini ia menge-

nali ayah dan kawan2-nya yang datang menziarah.

Ibu-nya, Che Rosda binti Ahmad menunggu sa-belah katil-nya sa-panjang malam hingga pagi tadi.

Che Shukra ia-lah anak perempuan tunggal Datuk Kampo Radjo.

Datuk Kampo berkata hari ini: "Saya akan berjumpa dengan Pengurus MARA. Enche Ghaffar Baba esok."

Beliau telah pun bertemu dengan Pemangku Pengetua maktab. Enche Hijjas Kasturi.

Enche Hijjas hari ini memberitahu Berita Harian: "Datuk Kampo menemui saya semalam dan sejak kami pun telah mula menyiasat peristiwa yang menimpa anak-nya itu."

Kata-nya, salah faham yang timbul telah dapat dilenyapkan.

"Apa yang kami usahakan sekarang ia-lah untuk menchari penuntut2 yang bertanggongjawab jika hal ini benar2 akibat ragging atau orientasi."

Enche Hijjas berkata, sejaknya tidak ragu2 bertindak nanti membuang pelajar2 yang melakukan perkara2 yang memburokkan nama Institut itu.

